

**PENGARUH PENCAPAIAN AKADEMIK PRA-KEMASUKAN (SPM) TERHADAP
PRESTASI AKADEMIK DAN KUALITI GURU LULUSAN INSTITUT
PENDIDIKAN GURU SELEPAS SETAHUN BERKHIDMAT DI SEKOLAH**

***Shamsazila Sa'aban**
Ramesh Rao Ramanaidu
Syed Ismail Syed Mustapa
Norhannan Ramli
Mohd Amin Said
Yefrizal Nadzir
Azahar Aziz
Salmiah Md Salleh
Institut Pendidikan Guru Malaysia
**shamsazila.saaban@ipgm.edu.my*

ABSTRACT

Teacher quality is widely recognised as a key determinant of educational effectiveness, leading many education systems to impose stringent academic entry requirements as an initial screening mechanism for prospective teachers. In Malaysia, academic achievement in the Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) examination serves as one of the primary criteria for admission into the Institute of Teacher Education (ITE). However, empirical evidence examining the extent to which pre-entry academic achievement influences academic performance during teacher training and subsequent teacher quality remains limited. This study examines the influence of pre-entry academic achievement per SPM on final-semester academic performance at the Institute of Teacher Education, as well as its relationship with teacher quality after one year of service in schools. A quantitative correlational design employing a cross-sectional approach was utilised, drawing on secondary administrative data. Data were obtained from official records of the Malaysian Examinations Syndicate and the Assessment and Certification Centre of the Institute of Teacher Education Malaysia and were matched with school administrators' evaluations of teacher quality. The sample comprised 2,252 graduates of the Bachelor of Teaching Programme (PISMP) from the June 2015 cohort. Pearson correlation and multiple regression analyses were conducted to examine the relationships among the study variables. The findings indicate that pre-entry academic achievement in SPM is positively and significantly associated with final-semester academic performance at the Institute of Teacher Education ($r = .258, p < .001$). Final-semester academic performance also demonstrates significant positive relationships with all dimensions of teacher quality after one year of service ($r = .145$ to $.209, p < .01$). However, results from multiple regression analysis reveal that only final-semester academic performance emerges as a significant predictor of teacher quality ($\beta = .528, p < .001$). Meanwhile, pre-entry academic achievement based on SPM does not exhibit a significant direct contribution ($\beta = -.025, p > .05$). In conclusion, the findings suggest that while pre-entry academic achievement plays a meaningful role in predicting academic performance during teacher training, teacher quality in the early years of service is more strongly shaped by the learning experiences and professional training received throughout the teacher education programme. This study supports the relevance of academically selective admission policies while underscoring the critical importance of high-quality teacher education programmes in developing competent and professional teachers.

Keywords: *Pre-entry academic achievement, SPM, academic performance, teacher quality, teacher education, Institute of Teacher Education.*

PENGENALAN

Kualiti guru diiktiraf secara meluas sebagai pemboleh ubah sekolah yang paling signifikan dalam mempengaruhi pencapaian murid dan keberkesanan sistem pendidikan (Hattie, 2009; OECD, 2018). Justeru, usaha meningkatkan kualiti pendidikan di peringkat nasional dan global sering tertumpu kepada pemilihan dan latihan guru yang berkeupayaan tinggi. Seiring dengan agenda ini, banyak negara berprestasi tinggi dalam pendidikan seperti Finland, Singapura dan Korea Selatan telah memperketatkan mekanisme pengambilan guru dengan menetapkan syarat akademik yang ketat bagi memastikan hanya calon terbaik dipilih untuk mengikuti latihan perguruan.

Di Malaysia, aspirasi tersebut diterjemahkan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013–2025 yang menetapkan pengambilan pelatih ke Institut Pendidikan Guru (IPG) hanya melibatkan kira-kira 30 peratus lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) terbaik. Dasar ini berasaskan andaian bahawa kecemerlangan akademik pra-kemasukan merupakan petunjuk awal kepada potensi calon untuk mengikuti latihan perguruan secara berkesan dan seterusnya menjadi guru yang berkualiti. Pendekatan ini menjadikan pencapaian SPM sebagai salah satu tapisan utama dalam pemilihan bakal guru, selari dengan amalan antarabangsa yang menekankan kualiti input dalam pendidikan guru.

Walaupun bagaimanapun, dapatan kajian empirikal mutakhir mula mempersoalkan kebergantungan berlebihan terhadap tapisan akademik pra-latihan (*pre-service screening*) sebagai jaminan kepada kualiti guru. Kajian oleh Klassen dan Kim (2019) serta Goldhaber et al. (2020) menunjukkan bahawa walaupun pencapaian akademik awal mempunyai hubungan dengan prestasi semasa latihan, ia bukanlah peramal tunggal keberkesanan guru di bilik darjah. Sebaliknya, kompetensi pedagogi, kemahiran profesional, pengalaman praktikum, serta pembelajaran berasaskan latihan semasa program pendidikan guru didapati memainkan peranan yang lebih dominan dalam membentuk kualiti guru sebenar.

Dalam konteks Malaysia, terdapat jurang empirikal yang ketara dalam memahami hubungan longitudinal antara kecemerlangan SPM sebagai syarat kemasukan, prestasi akademik pelajar semasa pengajian di IPG, dan kualiti guru selepas memasuki alam pekerjaan. Walaupun IPG dan Kementerian Pendidikan Malaysia memiliki data pentadbiran yang komprehensif, kajian yang menghubungkan pencapaian pra-kemasukan dengan pencapaian akhir latihan serta kualiti guru novis di sekolah masih terhad dan bersifat terpisah. Persoalan kritikal yang masih belum dijawab secara empirikal ialah sama ada tapisan ketat di peringkat kemasukan benar-benar menjamin kualiti guru, atau sama ada kualiti tersebut lebih banyak dibentuk melalui pengalaman akademik dan latihan profesional sepanjang tempoh pengajian di IPG.

Sehubungan itu, kajian ini bertujuan meneliti secara empirikal hubungan antara pencapaian akademik pra-kemasukan, prestasi akademik semester akhir pelajar IPG, dan kualiti guru selepas setahun berkhidmat di sekolah. Dengan memanfaatkan data berskala besar dan penilaian sebenar di tempat kerja, kajian ini diharapkan dapat memberikan gambaran yang lebih menyeluruh tentang trajektori pembangunan guru serta menilai kerelevanan dasar pemilihan dan latihan guru dalam konteks pendidikan Malaysia.

TINJAUAN LITERATUR

Kualiti Guru dan Keberkesanan Pendidikan

Kualiti guru diiktiraf secara meluas sebagai antara faktor sekolah yang paling signifikan dalam menentukan pencapaian murid dan keberkesanan sistem pendidikan (Hattie, 2009; OECD, 2018). Guru

yang berkualiti bukan sahaja menyumbang kepada peningkatan pencapaian akademik, malah mempengaruhi motivasi, penglibatan murid dan iklim bilik darjah. Sehubungan itu, banyak sistem pendidikan memberi penekanan terhadap usaha memperkukuh pemilihan dan latihan guru sebagai strategi utama meningkatkan kualiti pendidikan.

Dasar Pemilihan Akademik dalam Pendidikan Guru

Negara-negara yang mencatatkan prestasi pendidikan tinggi seperti Finland, Singapura dan Korea Selatan mengamalkan dasar pemilihan guru yang ketat dengan menekankan pencapaian akademik sebagai kriteria utama kemasukan ke program latihan perguruan. Pendekatan ini berasaskan andaian bahawa calon berkeupayaan akademik tinggi lebih berupaya mengikuti latihan profesional secara berkesan. Di Malaysia, pendekatan yang sama dilaksanakan melalui PPPM 2013–2025 dengan menghadkan kemasukan ke IPG kepada lepasan SPM berprestasi tinggi. Walau bagaimanapun, kajian terkini menunjukkan bahawa pencapaian akademik pra-kemasukan sahaja tidak mencukupi untuk meramal keberkesanan guru secara menyeluruh (Klassen & Kim, 2019).

Kecemerlangan Akademik Pra-Kemasukan dan Prestasi Semasa Latihan

Literatur antarabangsa melaporkan bahawa pencapaian akademik pra-kemasukan mempunyai hubungan positif tetapi sederhana dengan prestasi akademik semasa latihan perguruan (Klassen & Kim, 2019). Pelajar yang cemerlang secara akademik lazimnya menunjukkan keupayaan yang lebih baik dalam memenuhi keperluan akademik program latihan. Namun demikian, prestasi semasa latihan turut dipengaruhi oleh pelbagai faktor lain seperti sokongan institusi, pengalaman praktikum, dan motivasi profesional. Ini menunjukkan bahawa kecemerlangan akademik awal berperanan sebagai faktor sokongan, bukannya penentu tunggal kejayaan semasa latihan.

Prestasi Akademik Semasa Latihan dan Kualiti Guru


Kajian berkaitan keberkesanan guru menunjukkan bahawa prestasi akademik dan profesional semasa latihan perguruan mempunyai hubungan yang lebih konsisten dengan kualiti guru pada peringkat awal perkhidmatan berbanding pencapaian akademik pra-kemasukan (Goldhaber et al., 2020). Prestasi akademik semester akhir mencerminkan hasil kumulatif pembelajaran pedagogi, latihan praktikum, dan pengalaman profesional yang dilalui pelajar. Oleh itu, prestasi ini berpotensi menjadi petunjuk kesediaan profesional dan kualiti guru apabila memasuki alam pekerjaan.

Jurang Kajian

Walaupun dasar pemilihan berasaskan pencapaian akademik pra-kemasukan dilaksanakan secara meluas, bukti empirikal yang menghubungkan pencapaian akademik pra-kemasukan, prestasi akademik semasa latihan di IPG, dan kualiti guru selepas berkhidmat di sekolah masih terhad, khususnya dalam konteks Malaysia. Kebanyakan kajian terdahulu menilai aspek pemilihan dan latihan secara berasingan tanpa mengambil kira hubungan perkembangan merentas fasa pra-kemasukan, latihan, dan amalan sebenar di sekolah. Jurang ini menuntut kajian empirikal berskala besar yang menilai kesepadanan dasar pemilihan dan keberkesanan latihan perguruan dalam membentuk guru yang berkualiti.

KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN

Rajah 1 memaparkan kerangka konseptual kajian yang dibangunkan bagi menerangkan hubungan antara pencapaian akademik pra-kemasukan, prestasi akademik semasa latihan perguruan, dan kualiti guru selepas setahun berkhidmat di sekolah. Kerangka ini dibina berasaskan premis bahawa pembentukan kualiti guru merupakan satu proses berperingkat yang melibatkan penapisan awal calon, pengalaman latihan profesional, dan aplikasi kompetensi dalam konteks perkhidmatan sebenar.

Rajah 1*Kerangka Konseptual*

Dalam kerangka ini, pencapaian akademik pra-kemasukan ke IPG, yang diwakili oleh pencapaian SPM bagi pelajar terpilih yang telah melepasi Ujian Kelayakan Calon Guru (UKCG) dan temu duga, ditetapkan sebagai pemboleh ubah bebas. Pemboleh ubah ini mencerminkan tahap keupayaan akademik awal calon guru sebelum mengikuti latihan perguruan secara formal.

Prestasi akademik semester akhir di IPG ditetapkan sebagai pemboleh ubah pengantara yang merangkumi penilaian kurikulum, praktikum dan kokurikulum sepanjang tempoh latihan perguruan. Pemboleh ubah ini menggambarkan pencapaian hasil pembelajaran serta perkembangan profesional pelajar hasil daripada pengalaman latihan yang sistematik dan berstruktur di IPG.

Kualiti guru selepas setahun berkhidmat di sekolah ditetapkan sebagai pemboleh ubah bersandar dan dinilai berdasarkan maklum balas pentadbir sekolah merangkumi lima dimensi utama, iaitu pengajaran dan pembelajaran, penyelesaian masalah, komunikasi, pengurusan maklumat dan pembelajaran sepanjang hayat. Dimensi ini dipilih bagi mencerminkan keupayaan guru novis mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan sikap profesional dalam persekitaran sekolah sebenar.

Hubungan antara pemboleh ubah dalam kerangka ini digambarkan melalui anak panah yang menunjukkan hubungan langsung antara pencapaian akademik pra-kemasukan dengan prestasi akademik semasa latihan, serta hubungan langsung dan tidak langsung antara pencapaian akademik pra-kemasukan dan kualiti guru melalui prestasi akademik semester akhir. Secara keseluruhan, kerangka konseptual ini menyediakan asas teoretikal bagi menstrukturkan objektif kajian dan analisis empirikal yang dijalankan dalam kajian ini.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk menilai hubungan antara kecemerlangan akademik pra-kemasukan, pencapaian semasa latihan perguruan, dan kualiti guru selepas setahun berkhidmat di sekolah. Secara khusus, objektif kajian adalah untuk:

1. Menentukan hubungan antara pencapaian akademik pra-kemasukan ke IPG berdasarkan SPM dan prestasi akademik semester akhir di IPG
2. Menilai hubungan antara prestasi akademik semester akhir pelajar IPG dengan kualiti guru selepas setahun berkhidmat di sekolah, merangkumi dimensi:
 - a. Pengajaran dan Pembelajaran,
 - b. Penyelesaian Masalah,
 - c. Komunikasi,
 - d. Pengurusan Maklumat dan
 - e. Pembelajaran Sepanjang Hayat
3. Menentukan sumbangan relatif pencapaian akademik pra-kemasukan (SPM) dan prestasi akademik semester akhir dalam meramal kualiti guru selepas setahun berkhidmat di sekolah.

4. Menilai sama ada prestasi akademik semester akhir berperanan sebagai faktor utama yang menghubungkan pencapaian akademik pra-kemasukan (SPM) dengan kualiti guru selepas setahun berkhidmat di sekolah.

METODOLOGI KAJIAN

Bahagian ini menerangkan pendekatan dan prosedur kajian yang digunakan untuk mengenal pasti pencapaian akademik pra-kemasukan (SPM) dalam kalangan pelajar IPG terhadap prestasi akademik dan kualiti guru selepas setahun berkhidmat di sekolah. Perincian meliputi reka bentuk kajian, populasi dan sampel, pemboleh ubah dan pengukuran, prosedur pengumpulan data dan analisis data serta andaian statistic dan etika.

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif berbentuk korelasi dan regresi dengan pendekatan cross-sectional berasaskan data sekunder. Pendekatan kuantitatif dipilih kerana ia sesuai untuk menilai hubungan statistik dan sumbangan relatif antara pemboleh ubah secara objektif serta membolehkan generalisasi dapatan kepada populasi yang dikaji (Creswell & Creswell, 2018). Reka bentuk korelasi dan regresi khususnya sesuai apabila tujuan kajian adalah untuk mengenal pasti kekuatan hubungan dan keupayaan pemboleh ubah peramal dalam meramal pemboleh ubah bersandar tanpa melibatkankan sebarang manipulasi atau intervensi (Field, 2018).

Pendekatan cross-sectional digunakan kerana data diperoleh pada satu titik masa tertentu, selari dengan objektif kajian untuk menilai hubungan antara pencapaian akademik pra-kemasukan, prestasi akademik semasa latihan perguruan, dan kualiti guru selepas setahun berkhidmat. Reka bentuk ini lazim digunakan dalam kajian pendidikan yang melibatkan data pentadbiran berskala besar dan sesuai untuk menilai pola hubungan antara pemboleh ubah dalam konteks sebenar sistem pendidikan (Cohen et al., 2018).

Populasi dan Sampel

Populasi kajian terdiri daripada semua pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) bagiambilan Jun 2015 yang telah menamatkan pengajian pada 2019. Setelah menamatkan pengajian, mereka ditempatkan di sekolah mulai 1 November 2019. Selepas setahun berkhidmat di sekolah dan memegang gelaran sebagai guru novis (guru baharu), pentadbir sekolah menilai guru baharu lulusan PISMP IPGambilan Jun 2015 ini melalui Soal Selidik Kepuasan Pelanggan yang dijawab atas talian.

Pemilihan kohort ini adalah strategik bagi memastikan ketersediaan data prestasi akademik semester akhir serta penilaian kualiti guru oleh pentadbir sekolah, yang merupakan pemboleh ubah utama dalam kajian ini.

Sampel kajian merangkumi keseluruhan populasi kohort yang memenuhi kriteria kajian, iaitu seramai 2,252 orang ($N = 2,252$). Kajian ini menggunakan kaedah pemilihan sampel tanpa rawakan (*non-probability sampling*) berbentuk pensampelan keseluruhan (*census*), dengan melibatkan semua unit populasi yang mempunyai data lengkap. Pendekatan ini sesuai digunakan apabila data sekunder rasmi tersedia dan populasi kajian adalah homogen dari segi program, tempoh latihan dan struktur kurikulum (Cohen et al., 2018).

Saiz sampel yang besar meningkatkan kuasa statistik (*statistical power*) dan kestabilan anggaran parameter, sekali gus membolehkan analisis korelasi dan regresi dijalankan dengan lebih tepat dan boleh dipercayai (Tabachnick & Fidell, 2019). Selain itu, penggunaan keseluruhan populasi kohort mengurangkan risiko bias pensampelan dan meningkatkan kesahan luaran dapatan kajian dalam konteks latihan perguruan IPG bagiambilan yang dikaji (Hair et al., 2019).

Proses Pemilihan dan Profil Akademik Sampel

Semua responden telah melalui proses pemilihan berperingkat yang ketat sebelum diterima masuk ke IPG, meliputi pencapaian akademik minimum SPM (5A dan ke atas), kelulusan Ujian Kelayakan Calon Guru (UKCG), dan lulus temu duga. Sebilangan kecil pelajar diterima melalui laluan khas berdasarkan pertimbangan kesesuaian profesional.

Dari segi pencapaian akademik pra-kemasukan, majoriti pelajar merupakan calon berprestasi tinggi dalam peperiksaan SPM, mencerminkan tahap selektiviti yang tinggi dalam pemilihan calon guru.

Jadual 1

Profil Pencapaian Akademik Pra-Kemasukan (SPM) Pelajar PISMP Ambilan Jun 2015 (N=2,252)

Pencapaian SPM	Bilangan	Peratus (%)
< 5A (Laluan khas)	63	2.8
5A–6A	1,136	50.4
7A–8A	675	30.0
≥ 9A	378	16.8
Jumlah	2,252	100.0

Nota. Pelajar <5A diterima selepas lulus UKCG dan temu duga. Sumber: Lembaga Peperiksaan Malaysia & Pusat Peperiksaan dan Penganugerahan IPGM.

Pemboleh Ubah dan Pengukuran

Pencapaian Akademik Pra-Kemasukan (SPM). Pencapaian akademik pra-kemasukan merujuk kepada pencapaian SPM dioperasionalisasikan sebagai bilangan gred A yang diperoleh oleh pelajar dalam peperiksaan SPM. Data ini diperoleh daripada Lembaga Peperiksaan Malaysia dan digunakan sebagai indikator pencapaian akademik pra-kemasukan.

Prestasi Akademik Semester Akhir. Prestasi akademik semasa latihan perguruan diukur berdasarkan keputusan akademik semester 8, yang merangkumi komponen kurikulum, praktikum dan kokurikulum, diperoleh daripada Pusat Peperiksaan dan Penganugerahan IPGM. Keputusan ini mencerminkan pencapaian keseluruhan pelajar sepanjang tempoh pengajian di IPG.

Jadual 2

Keputusan Akademik Semester Akhir Pelajar PISMP Ambilan Jun 2015 (N = 2,252)

Keputusan Akademik	Bilangan	Peratus (%)
Kelas Pertama	431	19.1
Kelas Kedua Atas	1,796	79.7
Lain-lain*	25	1.2
Jumlah	2,252	100.0

Nota. Lain-lain merangkumi Kelas Kedua Bawah, tangguh tamat, diberhentikan dan kes khas. Sumber: Pusat Peperiksaan dan Penganugerahan IPGM.

Kualiti Guru. Kualiti guru diukur melalui penilaian pentadbir sekolah selepas responden berkhidmat selama setahun di sekolah. Instrumen penilaian merangkumi lima dimensi utama, iaitu Pengajaran dan Pembelajaran, Penyelesaian Masalah, Komunikasi, Pengurusan Maklumat, dan Pembelajaran Sepanjang Hayat. Semua item dinilai menggunakan skala Likert lima mata, dengan skor yang lebih tinggi menunjukkan tahap kualiti guru yang lebih baik. (Perincian statistik dilaporkan dalam bahagian Dapatan.)

Prosedur Pengumpulan

Data sekunder diperoleh dengan kebenaran rasmi daripada IPGM dan Lembaga Peperiksaan Malaysia, tertakluk kepada perjanjian kerahsiaan. Data daripada ketiga-tiga sumber dipadankan menggunakan ID pelajar unik bagi memastikan kesepadanan antara pemboleh ubah kajian. Kes yang mempunyai data tidak lengkap telah dikeluarkan. Proses saringan data turut melibatkan pemeriksaan nilai luar (*outliers*) dan taburan data sebelum analisis statistik dijalankan.

Analisis Data

Analisis statistik dijalankan menggunakan perisian statistik standard. Analisis korelasi Pearson digunakan bagi menilai hubungan antara pencapaian akademik pra-kemasukan (SPM) dengan prestasi akademik semester akhir, serta hubungan antara prestasi akademik semester akhir dengan setiap dimensi kualiti guru. Seterusnya, analisis regresi berganda digunakan untuk menentukan sumbangan relatif pencapaian akademik pra-kemasukan (SPM) dan prestasi akademik semester akhir dalam meramal kualiti guru secara keseluruhan.

Andaian Statistik dan Etika

Sebelum analisis inferensi dijalankan, andaian statistik asas merangkumi normaliti, lineariti, homoskedastisiti dan ketiadaan multikolineariti telah dipertimbangkan. Memandangkan saiz sampel kajian ini adalah besar ($N = 2,252$), penggunaan analisis parametrik adalah selari dengan prinsip Teori Had Pusat (Central Limit Theorem [CLT]), yang membolehkan analisis parametrik digunakan walaupun andaian normaliti tidak dipenuhi sepenuhnya (Field, 2018; Tabachnick & Fidell, 2019). Semua ujian statistik ditetapkan pada aras keertian $p < .05$.

Dari sudut etika penyelidikan, kerahsiaan dan privasi responden dijaga sepenuhnya melalui penggunaan data sekunder tanpa pengenalan peribadi. Semua dapatan dilaporkan dalam bentuk agregat dan digunakan khusus bagi tujuan penyelidikan akademik.

DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini membentangkan dapatan kajian berdasarkan objektif yang telah ditetapkan. Analisis statistik melibatkan korelasi Pearson dan regresi berganda dijalankan bagi menilai hubungan serta sumbangan antara pencapaian akademik pra-kemasukan (SPM), prestasi akademik semester akhir di IPG, dan kualiti guru selepas setahun berkhidmat di sekolah.

Dapatan Objektif 1: Hubungan antara Pencapaian Akademik Pra-kemasukan ke IPG berdasarkan SPM dan Prestasi Akademik Semester Akhir di IPG

Objektif pertama kajian ini adalah untuk menentukan hubungan antara pencapaian akademik pra-kemasukan (SPM) dan prestasi akademik semester akhir pelajar IPG. Pencapaian SPM dioperasionalisasikan sebagai bilangan gred A yang diperoleh dalam peperiksaan SPM, manakala prestasi akademik semester akhir diukur berdasarkan keputusan akademik keseluruhan pada semester akhir pengajian.

Analisis korelasi Pearson menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan antara pencapaian SPM dan prestasi akademik semester akhir pelajar IPG, dengan nilai pekali korelasi $r = .258$ ($p < .001$). Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3, dapatan ini menunjukkan bahawa pelajar yang memperoleh pencapaian akademik yang lebih cemerlang di peringkat SPM cenderung untuk mencapai prestasi akademik yang lebih baik semasa pengajian di IPG.

Walau bagaimanapun, kekuatan hubungan yang diperoleh adalah pada aras rendah hingga sederhana, menunjukkan bahawa pencapaian akademik pra-kemasukan (SPM) hanya menerangkan sebahagian kecil variasi dalam prestasi akademik semester akhir. Ini mencadangkan bahawa walaupun pencapaian

akademik pra-kemasukan (SPM) memainkan peranan dalam menyokong kejayaan akademik semasa latihan perguruan, prestasi akademik pelajar di IPG turut dipengaruhi oleh faktor lain seperti pengalaman pembelajaran, latihan praktikum, sokongan institusi dan penglibatan pelajar sepanjang tempoh pengajian.

Jadual 3

Korelasi Pearson antara Pencapaian Akademik Pra-kemasukan (SPM) dan Prestasi Akademik Semester Akhir (N = 2,252)

Pemboleh Ubah	r	Sig. (p)	Tafsiran
Pencapaian SPM – Pencapaian Akademik Semester Akhir	.258	< .001	Positif, signifikan

Nota. ***p < .001, r = pekali korelasi Pearson

Secara keseluruhan, dapatan ini mengesahkan bahawa pencapaian akademik pra-kemasukan (SPM) mempunyai hubungan yang signifikan dengan prestasi akademik semester akhir pelajar IPG. Namun demikian, kekuatan hubungan yang sederhana menunjukkan bahawa kecemerlangan akademik pra-kemasukan bukan satu-satunya faktor yang menentukan prestasi akademik semasa latihan perguruan, sebaliknya prestasi tersebut turut dibentuk melalui pengalaman dan latihan profesional sepanjang pengajian di IPG.

Dapatan Objektif 2: Hubungan antara Prestasi Akademik Semester Akhir dan Kualiti Guru selepas Setahun Berkhidmat

Objektif kedua kajian ini adalah untuk menilai hubungan antara prestasi akademik semester akhir pelajar IPG dengan kualiti guru selepas setahun berkhidmat di sekolah. Kualiti guru dinilai oleh pentadbir sekolah berdasarkan lima dimensi utama profesionalisme guru.

Secara keseluruhan, tahap kualiti guru lulusan IPG adalah tinggi, dengan skor min keseluruhan 4.38 (SP = 0.47) dan peratus kepuasan 99.33%. Seperti ditunjukkan dalam Jadual 4, dimensi Pengajaran dan Pembelajaran mencatatkan skor min tertinggi (M = 4.47, SP = 0.45), manakala dimensi Penyelesaian Masalah mencatatkan skor min terendah, namun masih berada pada tahap tinggi (M = 4.25, SP = 0.56).

Jadual 4

Statistik Deskriptif Kualiti Guru selepas Setahun Berkhidmat (N = 2,252)

Dimensi Kualiti Guru	Min (M)	Sisihan Piawai (SP)	Peratus Kepuasan (%)	Tahap
Pengajaran dan Pembelajaran	4.47	0.45	99.59	Tinggi
Penyelesaian Masalah	4.25	0.56	99.00	Tinggi
Komunikasi	4.45	0.48	99.33	Tinggi
Pengurusan Maklumat	4.37	0.53	99.44	Tinggi
Pembelajaran Sepanjang Hayat	4.36	0.54	99.26	Tinggi
Keseluruhan	4.38	0.47	99.33	Tinggi

Nota. Sumber: Laporan Maklum Balas Pentadbir Sekolah, IPGM

Bagi menilai hubungan antara prestasi akademik semester akhir dan kualiti guru, analisis korelasi Pearson telah dijalankan. Seperti yang dipaparkan dalam Jadual 5, prestasi akademik semester akhir mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan semua dimensi kualiti guru, dengan nilai pekali korelasi antara $r = .145$ hingga $r = .209$ ($p < .01$).

Hubungan paling kuat diperhatikan antara prestasi akademik semester akhir dengan dimensi Pengajaran dan Pembelajaran ($r = .209$, $p < .01$), manakala hubungan paling rendah, namun masih signifikan, adalah dengan dimensi Pengurusan Maklumat ($r = .145$, $p < .01$).

Jadual 5*Korelasi antara Prestasi Akademik Semester Akhir dengan Aspek Kualiti Guru*

Aspek Kualiti Guru	r	Sig. (p)	Tafsiran
Pengajaran & Pembelajaran (PdP)	.209	< .01	Positif, signifikan
Penyelesaian Masalah	.166	< .01	Positif, signifikan
Komunikasi	.162	< .01	Positif, signifikan
Pengurusan Maklumat	.145	< .01	Positif, signifikan
Pembelajaran Sepanjang Hayat	.163	< .01	Positif, signifikan

Nota. r = pekali korelasi Pearson; p < .01 menunjukkan hubungan signifikan pada aras 1%

Dapatan ini menunjukkan bahawa pelajar yang mencapai prestasi akademik yang lebih tinggi semasa latihan di IPG cenderung untuk memperlihatkan tahap kualiti pengajaran dan profesionalisme yang lebih baik selepas setahun berkhidmat di sekolah.

Secara keseluruhan, dapatan ini mencerminkan bahawa prestasi akademik semester akhir berfungsi sebagai petunjuk penting kepada kesediaan profesional dan keberkesanan awal guru novis dalam konteks sebenar sekolah.

Dapatan Objektif 3: Sumbangan Relatif Pencapaian Akademik Pra-kemasukan (SPM) dan Prestasi Akademik Semester Akhir terhadap Kualiti Guru

Objektif ketiga kajian ini adalah untuk menentukan sumbangan relatif pencapaian SPM dan prestasi akademik semester akhir dalam meramal kualiti guru selepas setahun berkhidmat di sekolah. Bagi tujuan ini, analisis regresi berganda telah dijalankan dengan kualiti guru sebagai pemboleh ubah bersandar, manakala pencapaian akademik pra-kemasukan (SPM) dan prestasi akademik semester akhir sebagai pemboleh ubah peramal.

Hasil analisis regresi menunjukkan bahawa model regresi yang dibina adalah signifikan secara statistik. Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 6, hanya prestasi akademik semester akhir didapati sebagai peramal signifikan terhadap kualiti guru ($\beta = .528$, $p < .001$). Ini menunjukkan bahawa pelajar yang mencapai prestasi akademik yang lebih tinggi semasa latihan perguruan cenderung untuk mempamerkan tahap kualiti pengajaran dan profesionalisme yang lebih baik selepas setahun berkhidmat di sekolah.

Sebaliknya, pencapaian SPM didapati tidak memberikan sumbangan yang signifikan dalam meramal kualiti guru ($\beta = -.025$, $p > .05$) apabila prestasi akademik semester akhir dikawal dalam model. Dapatan ini menunjukkan bahawa pencapaian akademik pra-kemasukan tidak mempunyai kesan langsung terhadap kualiti guru selepas memasuki alam perkhidmatan, sebaliknya pengaruh kecemerlangan SPM adalah tidak langsung dan dimediasi melalui prestasi akademik semasa latihan di IPG.

Secara keseluruhan, dapatan Objektif 3 mengesahkan bahawa prestasi akademik semester akhir merupakan faktor utama yang mempengaruhi kualiti guru selepas setahun berkhidmat, manakala pencapaian akademik pra-kemasukan (SPM) berfungsi sebagai faktor sokongan awal yang tidak lagi signifikan apabila kesan latihan dan pencapaian akademik semasa pengajian diambil kira.

Jadual 6*Analisis Regresi Berganda terhadap Faktor Penyumbang Kualiti Guru*

Pemboleh Ubah	β	t	Sig. (p)	Keputusan
Pencapaian SPM	-.025	-0.801	.423	Tidak signifikan
Prestasi Akademik Semester Akhir	.528	8.662	< .001	Signifikan

Statistik Model
Adjusted R² = .35

Nota. **p < .05; *p < .01; ***p < .001

Dapatan ini menunjukkan bahawa walaupun pencapaian akademik pra-kemasukan dalam SPM mempunyai hubungan signifikan dengan prestasi akademik semester akhir, ia tidak memberi sumbangan langsung terhadap kualiti guru selepas setahun berkhidmat apabila faktor prestasi akademik semasa latihan diambil kira. Sebaliknya, prestasi akademik semester akhir muncul sebagai peramal paling dominan, menekankan kepentingan pengalaman pembelajaran dan latihan profesional yang diterima oleh pelajar sepanjang pengajian di IPG dalam membentuk kualiti guru pada peringkat awal kerjaya.

Dapatan Objektif 4: Peranan Prestasi Akademik Semester Akhir sebagai Faktor Penghubung antara Pencapaian Akademik Pra-kemasukan dalam SPM dan Kualiti Guru

